

15/04/1997

MPMBB hijaukan bandar Melaka

Patimah Ramli

`BERSIH DAN INDAH' - slogan dan komitmen Majlis Perbandaran Melaka Bandar Raya Bersejarah (MPMBB) ke arah memastikan keindahan dan kebersihan bandar Melaka serta seluruh kawasan majlis dalam pelbagai aspek.

Bagi memastikan keindahan dan kebersihan sepanjang masa di kawasan bandar dan kawasan majlis, MPMBB melaksanakan pelbagai program dalam usaha mempertingkatkan kualiti kebersihan dan keindahan Melaka, sebagai destinasi pelancongan terkemuka di rantau ini.

Selaras dengan itu, baru-baru ini, MPMBB melancarkan program baru `Hutan Dalam Bandar' yang disempurnakan oleh Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Zin Abdul Ghani.

Program ini adalah antara usaha MPMBB untuk memelihara ekosistem tumbuhan hutan semula jadi di dalam bandar.

Penanaman pokok di tempat strategik dalam kawasan bandar mampu mengimbangkan semula mutu pemandangan alam sekitar kawasan bandar dari semasa ke semasa.

Bentuk lanskap, struktur serta dipadankan dengan pelbagai warna menghasilkan nilai estetika yang lebih menarik, apatah lagi jika ditanam dengan spesies pohon hutan tempatan.

Ciri dan cita rasa tempatan ini dapat mewujudkan identiti lanskap yang unik dan tersendiri serta menarik pelancong ke negeri Melaka, destinasi pelancongan terkemuka di rantau ini.

Skim penanaman pokok hutan ini bukan sahaja dilaksanakan di tepi jalan malah diperluaskan ke ruang pejalan kaki, sekitar kompleks bangunan, kawasan rekreasi serta taman permainan.

Dengan wujudnya kawasan hutan di tempat tumpuan orang ramai di bandar Melaka, maka masyarakat akan lebih prihatin dan menghargai kepentingan pemeliharaan sumber warisan asli negara.

Keindahan kawasan bandar juga adalah selaras dengan hasrat kerajaan negeri untuk mewujudkan taraf kehidupan yang selesa di kalangan setiap lapisan masyarakat, termasuk pengunjung ke negeri ini. Untuk mencapai matlamat itu, usaha penghijauan dan lanskap harus ada perancangan serta pengurusan yang bersepadu dan menyeluruh.

Selain itu, MPMBB sanggup menanam modal membeli jentera pembersih jalan raya yang bernilai RM355,000 dalam mengubah cara kerja daripada manual kepada automasi dalam meningkatkan kebersihan kawasan majlis.

Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar Negeri, Datuk Yasin Sarif, berkata pelaburan itu dibuat untuk memajukan MPMBB supaya dapat menuju ke arah modenisasi dengan lebih banyak menggunakan jentera automasi dalam memberikan perkhidmatan.

Dengan adanya jentera pembersih jalan raya itu, ia membantu MPMBB menjimatkan penggunaan tenaga kerja kerana dianggarkan berkemampuan menggantikan 50 pekerja. Jentera automasi ini digunakan sepenuhnya bekerja 24 jam dan secara dua giliran.

Jentera itu akan digunakan di kawasan taman perumahan pada waktu siang manakala kawasan padat, termasuk jalan raya yang menjadi laluan utama, digunakan pada waktu malam bagi mengelakkan kesesakan.

Selain itu, MPMBB juga memandang serius terhadap kebersihan premis dan pemakanan di kawasan bandar dengan melancarkan program premis makanan bersih negeri Melaka, baru-baru ini.

Program yang bertujuan mempertingkatkan kualiti kebersihan premis makanan di negeri ini adalah sejajar dengan sambutan negara menjadi tuan

rumah Sukan Komanwel 1998.

Sebagai pendorong kepada pengusaha makanan meningkatkan tahap kebersihan makanan dan premis masing-masing, MPMBB menganugerahkan sijil kesihatan asas kepada 407 pemilik premis makanan yang memenuhi syarat yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan.

Ini kerana peniaga makanan harus tahu tanggungjawab masing-masing menjual dan memastikan makanan bersih dan tidak memudaratkan kesihatan di kawasan bandar, terutama di kawasan yang menjadi tumpuan pelancong dan pengunjung.

Di samping itu, MPMBB harus berbangga kerana jabatan yang pertama di negeri Melaka melancarkan rangkaian sistem maklumat sendiri, MPMBB-NET dan hompej.

Pelaksanaan MPMBB-NET dan hompej itu juga membawa MPMBB untuk menandatangani beberapa MoU berkaitan infrastruktur rangkaian teknologi sistem maklumat dengan beberapa agensi lain pada tahun ini.

Pencapaian ini meletakkan MPMBB sebagai tapak permulaan dalam usaha merealisasikan hasrat kerajaan untuk mewujudkan sebuah kerajaan berelektronik dalam usaha meningkatkan kecekapan dan keberkesanan perkhidmatan kerajaan.

Ini juga selaras dengan wawasan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang sentiasa menggalakkan penggunaan teknologi maklumat secara meluas dalam usaha membangunkan dan memajukan negara pada masa depan.

Kewujudan rangkaian teknologi maklumat di MPMBB harus menjadi contoh kepada jabatan atau agensi kerajaan lain agar bersedia untuk berkongsi teknologi dan kepakaran secara bersepadu dengan agensi lain ke arah pembangunan rangkaian koridor raya multimedia di seluruh negara.

(END)